

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN ER TECK HWA
[BAKRI - DAP]**

TARIKH : 28 MEI 2015 (KHAMIS)

SOALAN (NO. 22)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan sebab mengapa Sukan Malaysia (SUKMA) 2015 ditangguhkan. Adakah terlibat kontrak atau perjanjian dengan pihak ketiga dan melibatkan pembayaran gantirugi. Jika ada, berapakah perbelanjaan yang terlibat.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Pengelolaan Sukan Malaysia 2015 oleh Majlis Sukan Negara di Kuala Lumpur terpaksa ditangguhkan kerana kos persediaan atlet oleh negeri ke temasya tersebut hampir menyamai kos yang disediakan oleh negeri-negeri bagi menghadapi temasya Sukan Malaysia yang diadakan pada tahun-tahun genap yang melibatkan sukan teras negara. Kebanyakan Majlis Sukan Negeri memberi pandangan agar SUKMA tahun ganjil tidak diadakan dan tumpuan kepada SUKMA tahun genap sahaja.
2. Pemilihan sukan bagi SUKMA tahun ganjil juga didapati tidak dibuat berdasarkan pembangunan sukan yang menyeluruh di semua negeri. Jenis sukan yang dipertandingkan ini tidak tersenarai dalam program pembangunan sukan prestasi tinggi di peringkat kebangsaan. Terdapat juga sukan-sukan tidak popular seperti sukan Woodball, Kabaddi dan Silambam turut dipertandingkan dan mengakibatkan negeri-negeri tertentu sahaja yang mendominasi pungutan pingat di temasya tersebut.
3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan tidak mempunyai sebarang kontrak dengan mana-mana pihak ketiga bagi penganjuran Sukan Malaysia 2015.

Sekian, terima kasih.